

KHAMIS, 21 JULAI 2016 @ 4:57 PM

Berita Harian

ESTHER INTAI 2 EMAS MEMANAH SUKMA

KUCHING: Pemanah muda Sarawak, Esther Yong Yin Ze mengintai sekurang-kurangnya dua pingat emas dalam acara compound pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) ke-18 yang akan membuka tirai secara rasmi Sabtu ini.

Pelajar tingkatan empat berusia 17 tahun itu, menasarkankan pingat emas dalam acara berpasukan dan satu lagi bagi acara individu daripada enam kategori yang bakal disertainya. Esther yang berasal dari Miri itu adalah antara 16 pemanah yang membawa cabaran pasukan tuan rumah, yang meletakkan sasaran muncul juara keseluruhan temasya itu. "Sasaran peribadi saya memang dua emas tetapi akan cuba mendapatkan sebanyak mana pingat yang boleh," katanya ketika ditemui Bernama pada sesi latihan pasukan itu di Kompleks Sukan Petra Jaya di sini, hari ini.

Esther yang diperkenalkan dengan sukan memanah ketika berusia 13 tahun oleh ibu bapanya, akan mengambil bahagian dalam acara berpasukan, serta lima acara individu iaitu 70 meter, 60m, 50m, 30m dan pusingan Olimpik yang bermula 24-29 Julai di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di Kota Samarahan.

Sementara itu, ketua jurulatih skuad memanah Sarawak Abdul Razak Yaacob berkata skuad negeri tersebut hanya menetapkan sasaran satu pingat emas, perak dan gangsa daripada 24 emas yang dipertandingkan kerana kebanyakan pemanahnya adalah muka baharu yang disiapkan untuk Sukma 2018 di Perak. "Hampir 80 peratus pemanah adalah pelajar sekolah yang bakal membuat penampilan pertama di Sukma selepas atlet sebelum ini telah melepasi had umur.

Selain itu, negeri lain seperti Terengganu, Sabah dan Pulau Pinang lebih konsisten. "Bagi tahun ini mereka akan diberi pendedahan dahulu. Mengenai pencarian bakat, saya selalunya akan mencari di kejohanan memamah yang diadakan di seluruh negeri," katanya yang pernah membantu Terengganu menjuarai sukan memamah Sukma sebanyak empat kali. Beliau berkata trio compound yang terdiri daripada Esther, Kho Yee Ting dan Vanessa Voon Li Ping menjadi sandaran skuad Sarawak untuk meraih pingat emas. Skuad itu sebelum ini telah menjalani latihan pendedahan di Johor pada Januari lalu sebagai persiapan terakhir menghadapi Sukma. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/175663>